



# LAPORAN TAHUNAN EDISI 2021

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

KEMENTERIAN  
INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI  
DAN PEMBANGUNAN WILAYAH  
SARAWAK





**JABATAN  
PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK  
2022**

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian dari buku ini yang dapat diterbitkan semula atau digunakan dalam bentuk apa pun dengan cara apa sekalipun, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau oleh sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat, tanpa izin secara bertulis dari penerbit.

**2022 | HAK CIPTA JPVS.**

dedikasi



## **SALAM SARAWAKKU SAYANG**

*Buat warga JPVS teristimewa.  
Terima kasih atas segala peluang  
dan kerjasama anda yang  
tak pernah padam.*

*Juga kepada semua ahli keluarga  
kami yang tercinta, sokongan dan  
dorongan kalian akan tetap dikenang.*

*Jutaan terima kasih kepada  
YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas  
Timbalan Ketua Menteri Sarawak  
Merangkap Menteri Kewangan II dan  
Menteri Pemodenan Pertanian dan  
Pembangunan Wilayah Sarawak dan  
kepada Setiausaha Tetap Kementerian di  
atas segala sokongan yang diberikan.*

**TERIMA KASIH ATAS SEGALANYA**



# isi kandungan

## **PENDAHULUAN      BAB 01**

|                                            |    |
|--------------------------------------------|----|
| Amanat Menteri (MANRED)                    | 2  |
| Perutusan Setiausaha Tetap (MANRED)        | 4  |
| Perutusan Pengarah Veterinar Sarawak       | 6  |
| Jasamu Tetap Dikenang                      | 12 |
| Ketua-Ketua Bahagian, Seksyen, & Unit      | 15 |
| Visi & Misi JPVS                           | 21 |
| Carta Organisasi Pengurusan Tertinggi JPVS | 22 |
| Peranan & Fungsi JPVS                      | 24 |
| Nilai Teras Jabatan                        | 25 |
| Objektif Strategik Jabatan                 | 26 |

## **LAPORAN TAHUNAN 2021      BAB 02**

|                                              |     |
|----------------------------------------------|-----|
| Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan       | 30  |
| Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan        | 67  |
| Bahagian Komersialisasi Dan Khidmat Sokongan | 83  |
| Bahagian Kesihatan Haiwan                    | 101 |
| Bahagian Kesihatan Awam Veterinar            | 121 |
| Bahagian Regulatori                          | 133 |
| Cawangan Penguatkuasaan                      | 139 |
| Seksyen Pentadbiran Dan Sumber Manusia       | 147 |
| Seksyen Kewangan Dan Akaun                   | 153 |
| Makmal Veterinar Sarawak                     | 157 |

## **PENGKULUNGAN      BAB 03**

|                  |     |
|------------------|-----|
| Sidang Editorial | 182 |
| Sekalung Budi    | 184 |
| JPVS Galeri 2021 | 187 |



A diamond  
doesn't start out polished and shining. It  
once was nothing special, but with  
enough pressure and time,  
becomes spectacular.

DVS SARAWAK  
IS THAT DIAMOND.



# **BAB 01**

## PENDAHULUAN



## *Amanat*

YANG BERHORMAT  
DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS

TIMBALAN KETUA MENTERI  
MENTERI KEWANGAN II  
MENTERI PEMODENAN PERTANIAN DAN  
PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK

Salam Ibu Pertiwiku, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) di atas kejayaan dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan Jabatan Edisi 2021 ini.

JPVS adalah salah satu jabatan yang memainkan peranan yang sangat penting untuk mengawal selia dan memacu industri ternakan serta memberikan perkhidmatan veterinar yang terbaik bagi mengawal penyakit zoonotik dan berkepentingan ekonomi. JPVS juga telah banyak menyumbang kepada sekuriti makanan dan membantu rakyat di luar bandar dengan projek ternakan. JPVS juga berperanan untuk membasmi penyakit *Rabies* di kalangan anjing menjelang tahun 2025.

Saya berharap JPVS akan terus berusaha meningkatkan tahap sara diri (*Self Sufficiency Level - SSL*) dalam industri ternakan sekaligus menyumbang kepada “**net food exporter**” menjelang 2030.

Dengan adanya sikap integriti yang tinggi serta kecekapan yang baik, saya yakin JPVS dapat memastikan kualiti perkhidmatan yang disampaikan sentiasa berada pada tahap yang membanggakan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan ke atas segala usaha yang telah disumbangkan oleh semua pihak dalam merealisasikan VISI dan MISI jabatan. Semoga semangat berpasukan ini akan terus memacu kejayaan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



**YANG BERTHORMAT**  
**DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS**





## *Perutusan*

YANG BERBAHAGIA  
DATU EDWIN ABIT

SETIAUSAHA TETAP  
KEMENTERIAN PEMODENAN PERTANIAN DAN  
PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK

Salam Ibu Pertiwiku, syabas saya ucapkan kepada semua Warga Veterinar yang terlibat dalam membuat laporan tahun ini. Saya yakin bahawa penghasilan buku ini mampu memberikan impak positif kepada industri ternakan dan masyarakat. Laporan ini mengandungi informasi terkini, pencapaian, tugas dan aktiviti yang dijalankan di mana ianya menjadi pengukur kepada *Key Performance Indicator* (KPI) jabatan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) memainkan peranan penting di bawah Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak dalam membangunkan sektor perindustrian. JPVS telah menyumbangkan banyak bantuan Program Fasilitasi Pertanian (AFP). Melalui *Post-COVID Development Strategy 2030* (PCDS 2030), JPVS akan menjadi peneraju dalam usaha meningkatkan tahap sara diri (*Self Sufficiency Level - SSL*) yang tinggi dalam industri ternakan dan menyumbang kepada **“net food exporter”** menjelang 2030.

JPVS berfungsi untuk mentransformasikan sektor ternakan di bawah kementerian dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan penternak melalui program pembangunan ternakan dengan meningkatkan penggunaan teknologi moden yang berdaya saing dan mampan.

JPVS juga bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan veterinar, kesihatan veterinar dan menguatkuasakan Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga veterinar yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang pada tahun 2021. Sekian, terima kasih.



**YANG BERBAHAGIA**  
**DATU EDWIN ABIT**





## *Perutusan*


YANG BERUSAHA DR. ADRIAN SUSIN AMBUD

PENGARAH  
PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SARAWAK

Tahun 2021 amat mencabar bagi jabatan, namun Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) tetap menjalankan tugas dengan penuh dedikasi kerana perkhidmatan veterinar tergolong dalam kumpulan **essential services**. Dengan bilangan staf seramai **260** orang, kami berusaha untuk menggembelng tenaga bagi melaksanakan program, projek dan aktiviti jabatan. Hasilnya, Sarawak masih kekal bebas dari penyakit berkepentingan ekonomi seperti *Foot and Mouth Disease (FMD)*, *Avian Influenza (AI)* dan *Lumpy Skin Disease (LSD)* sekaligus berjaya membolehkan usahawan kita untuk mengeksport produk ke luar Sarawak termasuk Singapura, Brunei, Indonesia, Hong Kong dan China. Pemantapan aktiviti penguatkuasan dan regulatori berjaya meningkatkan pungutan hasil Sarawak sebanyak **RM3.192** juta.

Penyakit *Rabies* adalah terkawal dengan penurunan kes positif haiwan sebanyak **108 kes** berbanding **183 kes** pada tahun 2020 hasil dari program kawalan yang berterusan dan berkesan. Sebanyak **222,926** ekor anjing telah disuntik vaksin *Rabies* sejak 2017. Selain itu, saya juga amat menghargai sumbangan penggerak industri dalam mencapai matlamat jabatan dan telah meningkatkan nilai industri ternakan kepada **RM1.865 billion** pada tahun 2021 serta meningkatkan nilai eksport kepada **RM335** juta. Menjelang tahun 2030, industri ternakan Sarawak disasarkan mampu menyumbang **RM4.0 billion** nilai pengeluaran dan nilai eksport ternakan manakala hasilnya disasarkan akan melebihi **RM2.0 billion**.

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas di atas sokongan dan keprihatinan beliau terhadap jabatan dan juga kepada YBhg. Datu Edwin Abit, Setiausaha Tetap Kementerian di atas kecemerlangan kepimpinan beliau. **'An Honour To Serve'**



**YANG BERUSAHA**

**DR. ADRIAN SUSIN AMBUD**





## *Perutusan*

YANG BERUSAHA DR. STEPHEN GABRIEL

TIMBALAN PENGARAH  
KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN



Negara Malaysia telah digemparkan dengan laporan kes positif penyakit *Demam Babi Afrika (ASF)* di rantau Asia pada tahun 2018. Ekoran daripada penularan penyakit ASF di negeri Sabah, JPVS telah mengambil langkah dan tindakan untuk mengekang penyakit ini dari merebak ke Sarawak dengan melaksanakan program kesedaran dan operasi kawalan. JPVS juga berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan kawasan kepungan bebas penyakit Demam Babi Afrika (ASF) di kawasan penternakan khinzir (PFA) Simunjan.

Bagi program kawalan penyakit *Rabies*, jabatan telah melaksanakan beberapa aktiviti kawalan, termasuk program vaksinasi, diagnosis makmal, kesedaran awam, surveilan, penguatkuasaan dan pengurusan kes gigitan bersama agensi-agensi yang berkaitan melalui program *One Health*. Sejumlah 10 kes positif *Rabies* dalam kalangan manusia dicatatkan pada tahun 2021.

Pihak jabatan juga sentiasa peka dalam melaksanakan program kawalan penyakit haiwan. Sektor Kesihatan Veterinar dan Pematuhan bertanggungjawab dan mentadbir urus tiga bahagian utama iaitu Bahagian Kesihatan Haiwan, Bahagian Kesihatan Awam Veterinar dan Bahagian Regulatori dalam memastikan peranan dan fungsi sektor ini berjalan lancar.

Akhir kata, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh Warga Veterinar di atas usaha anda semua pada tahun 2021. Semoga semangat juang anda dikekalkan dan dipertingkatkan untuk kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

**YANG BERUSAHA**

**DR. STEPHEN GABRIEL PUSIN**



## *Perutusan*

YANG BERUSAHA DR. SAJEM JINIM

TIMBALAN PENGARAH  
PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN



Saya ingin mengucapkan syabas kerana Buku Laporan Tahunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Edisi 2021 berjaya diterbitkan. Sektor Pembangunan Industri Ternakan bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan melaksanakan program pembangunan ternakan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Sektor pembangunan industri ternakan juga bertindak sebagai pembimbing kepada penternak untuk mencapai objektif industri ternakan yang berdaya saing, maju dan mampan. Industri ternakan khinzir dan ayam penelur telah mencapai tahap sara diri melebihi 100% di mana jumlah selebihnya telah dieksport ke negara jiran seperti Singapura, Brunei, Hong Kong dan Indonesia. Manakala, bagi sektor penternakan ruminan, ia juga turut menunjukkan peningkatan dalam tahap sara diri dengan daging lembu mencatatkan peningkatan dari 10% kepada 12%. Industri walit pula telah menyumbang sebanyak RM 340 juta pendapatan eskport.

Pujian adalah wajar diberikan kepada warga JVPs kerana melalui projek pembangunan ternakan, JVPs telah melahirkan ramai penternak berjaya dimana ia telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan serta membantu untuk menjana ekonomi penduduk di Sarawak khususnya penduduk luar bandar.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan terhadap segala sumbangan yang telah diberikan oleh semua Warga Veterinar, semoga semangat berpasukan ini akan terus menjadi pemacu kejayaan di dalam industri ternakan di Sarawak. Sekian, terima kasih.

**YANG BERUSAHA**

**DR. SAJEM JINIM**

# *Jasamu Tetap Dikenang*

**STATE VETERINARY AUTHORITY (SVA)**

**MANTAN KETUA  
PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK  
1965 – 2016**

*Daun terap di ataslah bukit,  
Kapallah menyamun dualah batang;  
Jadi kenangan bukanlah sedikit,  
Darilah dulu sampai sekarang.*

*Kain berlipat dalam istana,  
Pakaian puteri raja kayangan;  
Sepatah nasihat ilmu yang berguna,  
Secubit budi jadi kenangan.*



**YANG BERUSAHA  
DR. STEPHEN GABRIEL  
( 2014 – 2016 )**



**YANG BERUSAHA  
DR. HUMRAWALI HAZID AHMAD KHAN  
( 2010 – 2013 )**



**YANG BERUSAHA  
DR. CHIN VEI CHING  
( 2008 – 2009 )**



**YANG BERUSAHA  
DR. SIA CHIK HONG  
( 2001 – 2007 )**



**YANG BERUSAHA  
DATO' DR. HSIUNG KWO YEUN  
( 1991 – 2001 )**



**YANG BERUSAHA  
DR. ONG SHAK FOO  
( 1965 – 1991 )**





## **KETUA-KETUA PENOLONG PENGARAH**

Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan  
Bahagian Komersialisasi dan Khidmat Sokongan  
Bahagian Kesihatan Haiwan  
Bahagian Kesihatan Awam Veterinar  
Bahagian Regulatori

## **PENOLONG-PENOLONG PENGARAH**

Cawangan Penguatkuasaan  
Seksyen Pentadbiran dan Sumber Manusia  
Seksyen Kewangan dan Akaun  
Unit Survelan dan Epidemiologi  
Unit Integriti  
Unit Aset

## **KETUA-KETUA PENOLONG PENGARAH**

### **SEKTOR PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN**



#### **KETUA PENOLONG PENGARAH**

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN  
DR. SAJEM JINIM



#### **KETUA PENOLONG PENGARAH**

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN  
DR. WILLIAM ROVINA NATING



#### **KETUA PENOLONG PENGARAH**

BAHAGIAN KOMERSIALISASI DAN KHIDMAT SOKONGAN  
MATHEW JENANG

## **KETUA-KETUA PENOLONG PENGARAH**

### **SEKTOR KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN**



#### **KETUA PENOLONG PENGARAH**

BAHAGIAN KESIHATAN HAIWAN  
DR. ANDREA LIM LI LI



#### **KETUA PENOLONG PENGARAH**

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM VETERINAR  
DR. NICHOLAS JENEK



#### **KETUA PENOLONG PENGARAH**

BAHAGIAN REGULATORI  
DR. CHUO HOCK TIENG

## PENOLONG-PENOLONG PENGARAH

CAWANGAN | SEKSYEN | UNIT



**PENOLONG PENGARAH**  
CAWANGAN PENGUATKUASAAN  
MOHD FAHDIL BIN ANTUM



**PENOLONG PENGARAH**  
SEKSYEN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA  
HANIF BIN HANAPI



**PENOLONG PENGARAH**  
SEKSYEN KEWANGAN DAN AKAUN  
HANNAH IMELDA FREDRICK



**PENOLONG PENGARAH**  
UNIT SURVELAN DAN EPIDEMIOLOGI  
CASSANDRA CH'NG DUAN SHU



**PENOLONG PENGARAH**  
UNIT INTEGRITI  
NUR AQMA SYAIRAH SYAFIQAH BINTI MD ZAIDI



**PENOLONG PENGARAH**  
UNIT ASET  
SELMAH APANG

## **KETUA-KETUA PEJABAT**

### **PEJABAT PEKHIDMATAN VETERINAR BAHAGIAN**



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN KUCHING  
DR. NICHOLAS JENEK



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN SAMARAHAN  
ZULHAZI MOHD TAMNON



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN SERIAN  
JIMMY HENRY



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN SRI AMAN  
GLENICE BULAN AYUU



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN BETONG  
DR. SIONG JING JING



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN SARIKEI  
DR. NG LILY

## KETUA-KETUA PEJABAT PEJABAT PEKHIDMATAN VETERINAR BAHAGIAN



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN SIBU  
DR. AINUL RIZA BINTI ABU SEMAN



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN KAPIT  
RICKY JAMESON JALI



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN MUKAH  
HASNUL BIN ABDULLAH BUYONG



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN BINTULU  
DR. NAZIAH MUNTIL



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN MIRI  
DR. SYLMIE AL-HARIR



**KETUA PEJABAT BAHAGIAN**  
BAHAGIAN LIMBANG  
DR. WILLIAM ROVINA NATING



## VISI

Industri Penternakan Maju Menjelang 2030.

*An Advanced Livestock Industry By 2030.*

## MISI


Mentransformasikan Industri Ternakan Ke Arah

Industri Yang Berdaya Saing Dan Mampan.


*Transforming The Livestock Industry Into*

*A Competitive And Sustainable Industry.*

# TOP MANAGEMENT



# ORGANIZATIONAL CHART



## **PERANAN DAN FUNGSI**

### **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK**

#### **PERANAN**

Memajukan Kegiatan Sosio-ekonomi Ternakan & Komoditi

Menjaga Serta Melindungi Kesihatan Awam Veterinar

Meningkatkan Pengawasan Kesihatan Haiwan

Memelihara Pematuhan Ordinan Yang Berkesan

#### **FUNGSI**

Mengawal, Mencegah Dan Menghapuskan  
Penyakit Haiwan Dan Zoonotik

Pengawalan Import Dan Eksport Ternakan  
Dan Hasil Ternakan

Menjalankan Pemeriksaan Veterinar  
Dan Penguatkuasaan Veterinar

Pembangunan Industri Ternakan, Pembangunan  
Veterinar Dan Latihan

Penyelidikan Ternakan Dan  
Khidmat Nasihat



## **NILAI BERSAMA JABATAN**

Nilai Bersama adalah kepercayaan asas dan prinsip Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) yang membantu Jabatan dalam menjalankan kewajipan. Nilai - nilai teras ini membantu Jabatan menentukan hala tuju dalam mencapai visi dan misi Jabatan.

### **INTEGRITI**

Nilai ini merupakan ibu kepada kesemua nilai. Dalam 6 Nilai Bersama ini, integriti bermaksud kejujuran, kepercayaan dan kebolehan yang ditunjukkan melalui keadilan kepada setiap individu dan ketelusan dalam tindakan.

### **BAIK HATI DAN PRIHATIN**

Baik hati dan prihatin melibatkan sifat empati dan keprihatinan dalam pelaksanaan tugas harian baik kepada rakyat mahupun rakan sekerja. Nilai baik hati dan prihatin mewujudkan suasana harmoni dan muhibbah di tempat kerja kerana didasari dengan rasa ikhlas dan setiakawan.

### **PROFESIONALISME**

Profesionalisme merujuk kepada kompetensi kerja dan kendiri yang tinggi serta sikap yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas. Ia adalah kebolehan untuk bertindak adil, telus serta patuh kepada peraturan dan arahan tanpa mengira status atau pertalian. Kepentingan organisasi lebih diutamakan daripada kepentingan individu.

### **SIKAP BERSEGERA DAN SEMANGAT SEPUNYA**

Sikap bersegera dan semangat sepunya merujuk kepada sikap untuk bertindak dengan kadar segera tanpa melengah-lengahkan masa. Nilai ini menuntut agar tugas yang dilaksanakan adalah atas dasar tanggungjawab dan setia kepada organisasi.

### **SEMANGAT BERPASUKAN**

Semangat berpasukan merujuk kepada kemahuan yang kukuh dalam kumpulan untuk melaksanakan sesuatu tugas bagi mencapai matlamat yang sama. Semangat ini diamalkan melalui kerjasama, komitmen serta interaksi yang harmoni melalui pertukaran idea dan pengalaman.

### **BERORIENTASIKAN HASIL**

Berorientasikan Hasil bermaksud minda dan tindakan yang berfokus kepada hasil dan impak. Elemen penting bagi mencapai keberhasilan adalah SMART iaitu *Specific, Measurable, Achievable, Realistic* dan *Timely*. Ini bermakna memastikan setiap tindakan dirancang dengan teliti dengan mengambil kira kesemua elemen ini dan bukan bertindak secara melulu.



## **OBJEKTIF STRATEGIK JPVS**

Kecemerlangan Dalam Pembangunan  
Industri Ternakan

Kecemerlangan Dalam Kesihatan  
Veterinar Dan Pematuhan

Kecemerlangan Dalam Khidmat  
Sokongan Dan Pengembangan Veterinar

# **IBU PEJABAT**




## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK**




Remember diamond is created under  
pressure so hold on, it will be your time  
to shine soon.

DVS SARAWAK  
IS THAT DIAMOND.



## **BAB 02**

# LAPORAN TAHUNAN 2021



**LAPORAN**  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
KOMODITI TERNAKAN

## PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN KUCHING

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|-------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>SEKTOR RUMINAN</b></p> <p>Bahagian Kuching mempunyai bilangan lembu sebanyak 2,898 ekor, kambing 615 ekor dan bebiri 420 ekor. Penternakan lembu adalah dalam pelaksanaan Program Pawah Lembu (CPP) secara integrasi dengan kelapa sawit. Ladang integrasi yang utama adalah DAFA, RH PJP, SALCRA dan Agrogreen Ventures. Jabatan juga memperkenalkan program untuk ruminan kecil iaitu Program Pawah Ruminan Kecil (SRPP) untuk mewujudkan ladang nukleus bagi membekal kambing hidup dan mempertingkatkan bilangan penternak kambing pedaging dan penternak kambing tenusu.</p>                                                                                        |
|  | <p style="text-align: center;"><b>SEKTOR UNGGAS</b></p> <p>Penternak ayam dan itik komersial kebanyakannya terdapat di Daerah Kuching dan Bau dengan bilangan ayam pedaging sebanyak 12,682,248 ekor, ayam penelur 531,115 dan itik penelur sebanyak 47,223 ekor. Kebanyakan ladang ayam penelur dan pedaging ditenak secara ladang kontrak dengan integrator utama iaitu CCK, Heng Feng, Yeung Lok, QL Farming dan K &amp; L Farming Industries. Terdapat sebanyak 92 buah ladang unggas pada tahun 2021. Terdapat beberapa ladang penternak kecil-kecilan terpaksa ditutup disebabkan kos makanan ternakan yang tinggi. Tiada kejadian wabak penyakit unggas yang berkepentingan ekonomi dilaporkan.</p> |
|  | <p style="text-align: center;"><b>SEKTOR BABI</b></p> <p>Kuching merupakan salah satu bahagian yang mengeluarkan bekalan babi yang kedua terbesar selepas Bahagian Serian. Populasi babi komersial adalah sebanyak 53,824 ekor manakala babi tempatan atau babi kacukan adalah sebanyak 6,217 ekor. Harga ladang bagi babi pula adalah dalam lingkungan RM 1,100.00-RM 1,250.00 / 100 kg. Bilangan ladang babi semakin berkurangan disebabkan oleh kos makanan ternakan yang tinggi dan juga persaingan penggunaan tanah. 8 ladang dari Kuching, Serian dan Samarahan telah berpindah ke Pig Farming Area (PFA) di Pasir Puteh, Simunjan.</p>                                                              |

## RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN KUCHING 2021

| KOMODITI       | 2017       | 2018       | 2019       | 2020       | 2021       |
|----------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| Lembu          | 3,389      | 3,494      | 3,227      | 2,368      | 2,898      |
| Kerbau         | 25         | 25         | 33         | 23         | 9          |
| Kambing        | 1061       | 1,099      | 1,165      | 598        | 615        |
| Bebiri         | 96         | 91         | 92         | 273        | 420        |
| Ayam Pedaging  | 11,071,650 | 13,611,300 | 14,553,707 | 12,707,848 | 12,682,248 |
| Ayam Penelur   | -          | -          | 580,702    | 589,658    | 531,115    |
| Itik Penelur   | 24,411     | 24,958     | 44,585     | 77,780     | 47,223     |
| Babi Komersial | 28,782     | 28,810     | 20,320     | 75,451     | 53,824     |
| Babi Kampung   |            |            | 1,166      | 1,669      | 6217       |
| Rusa           | 16         | 24         | 24         | 20         | 20         |

## NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN KUCHING (2020-2021)

| BIL.   | JENIS TERNAKAN | NILAI PRODUKSI (RM) |             |
|--------|----------------|---------------------|-------------|
|        |                | 2020                | 2021        |
| 1      | Lembu          | 204,000             | 318,060     |
| 2      | Kerbau         | 6000                | 6000        |
| 3      | Kambing        | 164,000             | 141,150     |
| 4      | Bebiri         | 93,000              | 48,750      |
| 5      | Ayam Pedaging  | 5,762,250           | 4,779,000   |
| 6      | Ayam Penelur   | 1,002,582           | 100,025,820 |
| 7      | Itik Penelur   | 1,638,120           | 4,096,176   |
| 8      | Babi Komersial | 2,083,230,600       | 184,571,200 |
| 9      | Babi Kampung   | 6,390,750           | 5,583,750   |
| JUMLAH |                | 2,098,491,302       | 299,569,906 |

## PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SAMARAHAN

Bahagian Samarahan mempunyai kepelbagaian komoditi ternakan dan setiap daerah mempunyai fokus ternakan yang tersendiri. Situasi ini dipengaruhi oleh geografi setiap daerah, sosioekonomi setempat dan kepercayaan penduduk. Perkara ini menyumbang kepada statistik ternakan di sesuatu kawasan.

Industri ternakan komersial seperti ayam pedaging, ayam penelur, babi dan itik penelur banyak terdapat di Daerah Samarahan dan Daerah Asajaya. Bagi daerah lain pula kebanyakan penternak hanya memelihara secara kecil-kecilan. Daerah Asajaya dan Daerah Simunjan mencatatkan bilangan penternak ruminan seperti kambing, bebiri dan lembu termasuk babi kampung yang lebih tinggi berbanding dengan Daerah Samarahan.

Walaupun Samarahan mempunyai pelbagai jenis ternakan namun bilangan ternakan dan penternak yang menceburi bidang ini masih lagi rendah. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) untuk menjadi pemacu kepada kemajuan industri ternakan ini.



## RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SAMARAHAN 2021

| JENIS TERNAKAN | DAERAH    |    |          |    |          |     |                    |     |
|----------------|-----------|----|----------|----|----------|-----|--------------------|-----|
|                | SAMARAHAN |    | ASAJAYA  |    | SIMUNJAN |     | JUMLAH KESELURUHAN |     |
|                | POPULASI  | FF | POPULASI | FF | POPULASI | FF  | POPULASI           | FF  |
| Lembu          | 336       | 3  | 36       | 6  | 217      | 14  | 589                | 23  |
| Kerbau         | 2         | 1  | 0        | 0  | 4        | 1   | 6                  | 2   |
| Kambing        | 375       | 7  | 244      | 8  | 322      | 17  | 941                | 32  |
| Bebiri         | 32        | 2  | 42       | 4  | 121      | 7   | 195                | 13  |
| Babi Komersial | 1,568     | 3  | 0        | 0  | 109471   | 3   | 111039             | 6   |
| Babi Tempatan  | 159       | 38 | 242      | 53 | 1,798    | 588 | 2199               | 679 |
| Ayam Komersial | 225,000   | 11 | 365,000  | 5  | 0        | 0   | 590000             | 16  |
| Itik           | 16,270    | 5  | 140      | 2  | 95       | 2   | 16505              | 9   |
| Rusa           | 12        | 2  | 12       | 2  | 2        | 2   | 26                 | 6   |

## NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SAMARAHAN (2020-2021)

| BIL.   | JENIS TERNAKAN | NILAI PRODUKSI (RM) |             |
|--------|----------------|---------------------|-------------|
|        |                | 2020                | 2021        |
| 1      | Lembu          | 204,000             | 318,060     |
| 2      | Kerbau         | 6000                | 6000        |
| 3      | Kambing        | 164,000             | 141,150     |
| 4      | Bebiri         | 93,000              | 48,750      |
| 5      | Ayam Pedaging  | 5,762,250           | 4,779,000   |
| 6      | Ayam Penelur   | 1,002,582           | 100,025,820 |
| 7      | Itik Penelur   | 1,638,120           | 4,096,176   |
| 8      | Babi Komersial | 2,083,230,600       | 184,571,200 |
| 9      | Babi Kampung   | 6,390,750           | 5,583,750   |
| JUMLAH |                | 2,098,491,302       | 299,569,906 |

## PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SERIAN

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Populasi lembu di Bahagian Serian adalah 1,100 ekor. Kebanyakan lembu dipelihara secara integrasi bersama tanaman pokok kelapa sawit oleh pihak SALCRA Sdn Bhd yang dijadikan pusat pengeluaran benih lembu yang diberikan pinjaman secara pawah oleh Jabatan untuk mengeluarkan benih lembu yang akan dipawahkan semula kepada penternak lain. Selain itu, terdapat penternak-penternak individu yang ditawarkan projek pawah lembu ini. Nilai industri lembu di Serian dianggarkan bernilai RM 580,000.00.</p> <p>Serian merupakan satu-satunya bahagian di Sarawak yang mempunyai ladang ternakan lembu tenusu. Populasi semasa lembu tenusu yang terkini adalah 370 ekor dan pengeluaran susu adalah sebanyak 2.4 juta liter setahun dan nilai industri pula dianggarkan sebanyak RM 26,000,000.00. Produk tenusu dari ladang ini boleh dijumpai di pasaraya-pasaraya di seluruh Sarawak.</p> |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Populasi kambing di bahagian Serian adalah 653 ekor pada tahun 2021 yang ditenak oleh 48 orang penternak secara kecil-kecilan. Terdapat juga penternak yang ditawarkan projek pawah kambing di bawah Program Pawah Ruminan Kecil (SRPP) untuk menggalakkan penternakan yang berskala besar dan komersial.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|  | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Serian juga merupakan antara pengeluar utama daging ayam, dimana populasi yang ada sekarang adalah dalam anggaran 3 juta ekor yang ditenak dalam 97 ladang ayam komersial. Daging ayam dari Serian dipasarkan ke seluruh negeri Sarawak. Anggaran nilai industri Ayam Pedaging bahagian Serian adalah RM 120,000,000.00.</p> <p>Jumlah ternakan ayam penelur yang ada dibahagian Serian adalah 1.4 juta ekor dengan pengeluaran telur sebanyak 60 juta biji setahun. Terdapat 11 ladang ayam penelur komersial di bahagian Serian. Pasaran telur ini adalah untuk pasaran dalam negeri dan juga eksport ke luar negeri. Dianggarkan nilai produksi industri telur ayam pada tahun lepas adalah RM 1,300,000.00</p>                                                                                                                                                                                 |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ITIK</b></p> <p>Ternakan itik penelur yang terdapat dibahagian Serian adalah 16,000 ekor yang ditenak oleh 1 ladang komersial yang mampu mengeluarkan 2.5 juta biji telur setahun. Kebanyakan telur itik ini dijadikan telur masin dan dipasarkan di sekitar bahagian Kuching, Serian, Sri Aman hingga ke Sibu. Anggaran nilai industri telur itik adalah RM 1,500,000.00 pada tahun lepas.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|  | <p style="text-align: center;"><b>BABI</b></p> <p>Populasi babi komersial di Serian adalah antara yang terbesar di Sarawak dimana jumlah populasi yang sedia ada dianggarkan 40,000 ekor ditenak dalam 27 ladang babi komersial. Pasaran untuk daging babi dari Serian adalah ke seluruh Sarawak. Anggaran nilai produksi tahunan industri babi di Serian adalah RM 120,000,000.00.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |

## RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SERIAN 2021

| STATISTIK TERNAKAN TAHUN 2019, 2020 & 2021 |                |            |            |           |
|--------------------------------------------|----------------|------------|------------|-----------|
| BIL                                        | KOMODITI       | TAHUN      |            |           |
|                                            |                | 2019       | 2020       | 2021      |
| 1                                          | Kerbau         | 59         | 58         | 65        |
| 2                                          | Babi Komersial | 59,589     | 54,130     | 122,417   |
| 3                                          | Babi Tempatan  | 4,267      | 4,359      | 5,449     |
| 4                                          | Itik Pedaging  | 66,140     | 66,555     | 12,405    |
| 5                                          | Itik Penelur   | 20,415     | 16,000     | 10,000    |
| 6                                          | Rusa           | 69         | 60         | 92        |
| 7                                          | Lembu          | 1,767      | 1,903      | 1,079     |
| 8                                          | Ayam Pedaging  | 13,402,647 | 14,273,670 | 9,797,700 |
| 9                                          | Ayam Penelur   | 109,005    | 197,000    | 1,378,500 |
| 10                                         | Ayam Tempatan  | 44,077     | 44,095     | 26,909    |
| 11                                         | Ayam Pembiaik  | 0          | 63,000     | 76,252    |
| 12                                         | Kambing        | 966        | 973        | 653       |
| 13                                         | Lembu Tenusu   | 352        | 502        | 369       |

## NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SERIAN

| BIL    | KOMODITI       | POPULASI  | JUMLAH PENTERNAK | TURNOVER        | NILAI PRODUKSI |
|--------|----------------|-----------|------------------|-----------------|----------------|
| 1      | Kerbau         | 65        | 2                | 5               | RM35,100       |
| 2      | Babi Komersial | 39078     | 27               | 111,593         | RM122,417,000  |
| 3      | Babi Tempatan  | 5449      | 126              | 28,708          | RM4,086,750    |
| 4      | Itik Pedaging  | 12405     | 41               | 8270            | RM372,150      |
| 5      | Itik Penelur   | 16000     | 1                | 2,452,800 biji  | RM1,471,680    |
| 6      | Rusa           | 92        | 2                | 15              | RM11,500       |
| 7      | Lembu          | 1079      | 13               | 171             | RM582,660      |
| 8      | Ayam Pedaging  | 3,178,300 | 97               | 6,619,400       | RM119,149,200  |
| 9      | Ayam Penelur   | 1,378,500 | 11               | 60,400,200 biji | RM1,267,944    |
| 10     | Ayam Tempatan  | 44095     | 98               | 132,285 ekor    | RM2,645,700    |
| 11     | Ayam Pembiaik  | 76,252    | 1                | 126,000 ekor    | RM1,143,780    |
| 12     | Kambing        | 653       | 48               | 98 hds          | RM98,000.00    |
| 13     | Lembu Tenusu   | 369       | 1                | 2,394,000 liter | RM26,352,000   |
| JUMLAH |                |           | 468              |                 | RM279,633,464  |

# PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SRI AMAN

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Terdapat 4 estet yang telah diberi bantuan iaitu estet SALCRA Pakit, SALCRA Batu Kaya, SALCRA Lemanak dan SALCRA Batang Ai. Estet-estet ini diberi bantuan lembu baka Brahman melalui Program Pawah Lembu(CPP) .</p>                                                                                                                   |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Penternakan kambing di Sri Aman tidak dilakukan secara komersial akan tetapi terdapat 17 penternak yang menternak kambing berskala kecil di Sri Aman.</p>                                                                                                                                                                            |
|    | <p style="text-align: center;"><b>BEBIRI</b></p> <p>Bagi ternakan bebiri di Sri Aman, hanya 7 penternak yang menternak bebiri dan baka yang ditenak kebanyakannya ialah baka Dorper kerana baka ini merupakan baka yang tahan lasak dan senang untuk dijaga terutamanya di iklim kita. Rekod pembiakan baka ini juga baik dan tidak mudah dijangkiti penyakit.</p>                        |
|   | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Terdapat 1 ladang ayam pedaging komersial berlesen di Sri Aman yang terletak di Sungai Tebelian. Pasaran utama ladang tersebut adalah di sekitar perumahan atau rumah panjang di Pantu. Terdapat 767 ladang yang menternak ayam kampung. Kebanyakan penternak ayam kampung menternak secara kecil-kecilan untuk kegunaan isi rumah.</p> |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ITIK</b></p> <p>Penternakan itik penelur di bahagian Sri Aman semakin bertambah. Setakat 2021, terdapat 22 ladang ternakan itik penelur. Penternakan itik penelur dilakukan secara kecil - kecilan akan tetapi permintaan semakin bertambah .</p>                                                                                                       |
|  | <p style="text-align: center;"><b>BABI</b></p> <p>Sri Aman mempunyai 798 jumlah ladang yang menternak babi dan kebanyakannya menternak secara tradisional. Ternakan babi merupakan salah satu sumber pendapatan bagi penduduk rumah panjang terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman. Segelintir penduduk menternak khinzir untuk kegunaan isi rumah.</p>                            |
|  | <p style="text-align: center;"><b>RUSA</b></p> <p>Ternakan rusa di Sri Aman adalah untuk tujuan rekreasi dan terdapat 5 ladang yang menternak rusa. Rusa yang ditenak adalah dari baka Timorensis.</p>                                                                                                                                                                                    |

## RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SRI AMAN 2021


| JENIS TERNAKAN   | TAHUN   |         |         |         |        |
|------------------|---------|---------|---------|---------|--------|
|                  | 2017    | 2018    | 2019    | 2020    | 2021   |
| Lembu            | 606     | 651     | 919     | 1,339   | 1,217  |
| Kambing          | 0       | 289     | 213     | 251     | 242    |
| Berbiri          | 0       | 41      | 13      | 6       | 6      |
| Ayam Pedaging    | 10,800  | 11,400  | 10,800  | 9,000   | 9,000  |
| Ayam Kampung     | 119,669 | 140,989 | 119,669 | 391,877 | 57,637 |
| Itik Penelur     | 0       | 0       | 3,002   | 1,932   | 9,652  |
| Itik Pedaging    | 1,770   | 2,290   | 1,770   | 10,351  | 600    |
| Khinzir Tempatan | 12,237  | 13,597  | 14,061  | 18,030  | 13,200 |
| Rusa             | 0       | 50      | 148     | 29      | 49     |

## NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SRI AMAN 2021

| JENIS TERNAKAN   | POPULASI (EKOR) | FF  | TURNOVER          | NILAI PRODUKSI (RM) |
|------------------|-----------------|-----|-------------------|---------------------|
| Lembu            | 1,217           | 4   | 110 ekor          | 550,000             |
| Kambing          | 242             | 17  | 242 ekor          | 36,300              |
| Berbiri          | 364             | 7   | 364 ekor          | 91,000              |
| Ayam Pedaging    | 1,500           | 1   | 7,500 ekor        | 135,000             |
| Ayam lokal       | 57,637          | 767 | 57,637 ekor       | 1,400,925           |
| Itik penelur     | 8,552           | 19  | 20,976 biji telur | 20,976              |
| Itik             | 600             | 3   | 1,800 ekor        | 72,000              |
| Khinzir Tempatan | 13,200          | 798 | 71,966 ekor       | 9,900,000           |
| Rusa             | 50              | 4   | 13 ekor           | 6,250               |
| JUMLAH           |                 |     |                   | 16,573,686          |

## INDUSTRI PROFIL KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN BETONG

Populasi Ternakan Betong



Populasi ternakan di bahagian Betong adalah 15,187 ekor ayam kampung, 6,821 ekor itik, 9,562 ekor babi kacukan, 3,313 ekor kambing dan bebiri, 1,736 ekor lembu pada tahun 2021.

Bahagian Betong sangat berpotensi untuk ternakan ayam kampung, babi dan ruminan. Rumah-rumah panjang di setiap daerah rata-ratanya memelihara ternakan secara kecil-kecilan untuk kegunaan isi rumah seperti ternakan ayam, itik serta babi kacukan.

Ternakan ruminan iaitu lembu, kambing dan bebiri lebih mendapat sambutan dari masyarakat Melayu untuk tujuan keagamaan.

Kebanyakan penternak kecil-kecilan ini mempunyai potensi untuk dibangunkan memandangkan permintaan dalam industri ternakan kian meningkat. Ramai penternak mempunyai tanah tetapi kurang dalam ilmu penternakan.

## RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN BETONG 2021

| KOMODITI      | POPULASI<br>(2017) | POPULASI<br>(2018) | POPULASI<br>(2019) | POPULASI<br>(2020) | POPULASI<br>(2021) |
|---------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| Lembu         | 1,472              | 620                | 1,566              | 1,664              | 1,736              |
| Kerbau        | 0                  | 0                  | 6                  | 7                  | 7                  |
| Kambing       | 2,979              | 1,527              | 3,206              | 3,032              | 3,152              |
| Bebiri        | 414                | 281                | 61                 | 98                 | 161                |
| Ayam Kampung  | 27,550             | 19,014             | 27,550             | 10,675             | 15,187             |
| Itik Pedaging | 5,369              | 4,558              | 4,784              | 5,385              | 6,821              |
| Babi Kacukan  | 15,435             | 9,299              | 16,267             | 7,563              | 9,562              |

## NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN BETONG (2017-2021)

| KOMODITI      | NILAI<br>PRODUKSI<br>(2017) | NILAI<br>PRODUKSI<br>(2018) | NILAI<br>PRODUKSI<br>(2019) | NILAI<br>PRODUKSI<br>(2020) | NILAI<br>PRODUKSI<br>(2021) |
|---------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| Lembu         | 794,880                     | 334,800                     | 845,640                     | 900,000                     | 624,000                     |
| Kerbau        | 0                           | 0                           | 6,000                       | 6,000                       | 6,000                       |
| Kambing       | 357,480                     | 183,240                     | 384,720                     | 758,000                     | 113,200                     |
| Bebiri        | 82,800                      | 56,200                      | 12,200                      | 25,000                      | 14,000                      |
| Ayam Kampung  | 991,800                     | 684,504                     | 991,800                     | 288,225                     | 1,093,464                   |
| Itik Pedaging | 429,520                     | 364,640                     | 382,720                     | 646,200                     | 545,680                     |
| Babi Kacukan  | 6,174,000                   | 3,719,600                   | 6,506,800                   | 5,672,250                   | 11,849,760                  |

# PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SARIKEI

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Terdapat 5 ladang lembu di bahagian Sarikei dengan populasi lembu sebanyak 266 ekor. Ternakan lembu yang dipelihara adalah lembu pedaging dan sasaran pasaran adalah untuk Hari Raya Qurban, majlis perkahwinan, aqiqah dan majlis- majlis kesyukuran. Jenis baka lembu di Sarikei adalah baka Brahman dan Bali.</p>                                                              |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Terdapat 2 ladang kambing berlesen di bahagian Sarikei dan 1 ladang beroperasi di bawah bantuan Program Pawah Ruminan Kecil (SRPP). Jumlah populasi kambing di bahagian Sarikei adalah 235 ekor. Terdapat 1 ladang kambing yang menternak kambing tenusu untuk pengeluaran susu yang menghasilkan sabun.</p>                                                                    |
|    | <p style="text-align: center;"><b>BEBIRI</b></p> <p>Bahagian Sarikei mempunyai 3 ladang bebiri dengan jumlah populasi 33 ekor. Kebanyakan bebiri yang dipelihara adalah untuk tujuan daging.</p>                                                                                                                                                                                                                                     |
|   | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Terdapat 14 ladang ayam pedaging dan 2 ladang ayam telur dan 2 rumah sembelih ayam di Bahagian Sarikei dengan populasi 400,100 ayam pedaging dan 11,000 ayam telur. Kebanyakan baka ayam pedaging adalah Ross 308.</p>                                                                                                                                                             |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ITIK</b></p> <p>Penternakan itik tidak asing lagi bagi warga tempatan Sarikei yang dipelihara untuk tujuan daging dan telur. Terdapat 3 ladang itik berlesen di Bahagian Sarikei.</p>                                                                                                                                                                                                              |
|  | <p style="text-align: center;"><b>BABI</b></p> <p>Daerah Sarikei mempunyai 2 ladang khinzir berlesen. Rumah-rumah panjang di setiap daerah di Bahagian Sarikei kebanyakannya memelihara khinzir tempatan secara kecil-kecilan untuk kegunaan isi rumah atau untuk memenuhi kehendak pasaran penduduk tempatan terhadap daging babi. Jenis baka babi yang ada di bahagian Sarikei termasuk sus domesticus, dan sus scrofa scrofa.</p> |
|  | <p style="text-align: center;"><b>KERBAU</b></p> <p>Bahagian Sarikei mempunyai 1 ladang ternakan kerbau yang mula beroperasi pada tahun 2019. Ladang ini telah dibantu dalam Program Usahawan Kerbau (BEP) pada tahun 2021 sebanyak 52 ekor. Populasi ternakan kerbau di Bahagian Sarikei secara keseluruhan adalah 89 ekor.</p>                                                                                                     |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ARNAB</b></p> <p>Daging arnab turut mendapat tempat di pasaran Sarikei yang untuk pembuatan burger. Terdapat 5 ladang arnab di Bahagian Sarikei dengan jumlah populasi 4,386 ekor.</p>                                                                                                                                                                                                             |

## RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SARIKEI 2021

| BIL.   | KOMODITI                | 2018     |       | 2019      |       | 2020     |       | 2021     |       |
|--------|-------------------------|----------|-------|-----------|-------|----------|-------|----------|-------|
|        |                         | Populasi | FF    | Populasi  | FF    | Populasi | FF    | Populasi | FF    |
| 1      | Lembu                   | 186      | 9     | 259       | 9     | 238      | 9     | 266      | 6     |
| 2      | Kerbau                  | 18       | 1     | 25        | 1     | 27       | 1     | 89       | 1     |
| 3      | Kambing                 | 470      | 9     | 385       | 7     | 404      | 8     | 235      | 5     |
| 4      | Bebiri                  | 162      | 5     | 129       | 5     | 94       | 5     | 33       | 3     |
| 5      | Ayam Pedaging Komersial | 414,700  | 15    | 5,422,100 | 14    | 417,500  | 14    | 400,100  | 14    |
| 6      | Ayam Penelur Komersial  | 15,300   | 2     | 15,000    | 2     | 16,400   | 2     | 11,000   | 2     |
| 7      | Ayam Kampung            | 71,271   | 821   | 70,793    | 821   | 67,838   | 821   | 71,441   | 817   |
| 8      | Itik Pedaging           | 1,750    | 2     | 18,185    | 2     | 19,985   | 2     | 18,178   | 2     |
| 9      | Itik Penelur            | 16,070   | 4     | 20,340    | 4     | 21,840   | 4     | 16,560   | 4     |
| 10     | Itik Tempatan           | 18,689   | 836   | 20,581    | 836   | 18,178   | 836   | 15,574   | 690   |
| 11     | Babi Komersial          | 670      | 2     | 609       | 2     | 632      | 2     | 602      | 2     |
| 12     | Babi Tempatan           | 26,051   | 821   | 23,325    | 821   | 24,833   | 821   | 15,849   | 811   |
| 13     | Rusa                    | 56       | 2     | 45        | 2     | 43       | 1     | 49       | 1     |
| 14     | Arnab                   | 134      | 3     | 6,527     | 4     | 6,306    | 4     | 4,386    | 5     |
| 15     | Puyuh                   | 655      | 1     | 420       | 1     | 430      | 1     | 350      | 1     |
| JUMLAH |                         | 566,182  | 2,533 | 5,598,723 | 2,531 | 594,748  | 2,531 | 554,712  | 2,364 |

## NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SARIKEI (2017-2021)

| BIL.   | KOMODITI                | 2018         | 2019           | 2020         | 2021          |
|--------|-------------------------|--------------|----------------|--------------|---------------|
| 1      | Lembu                   | 540.00       | 139,860.00     | 128,520.00   | 143,640.00    |
| 2      | Kerbau                  | 1,080.00     | 13,500.00      | 14,580.00    | 48,060.00     |
| 3      | Kambing                 | 750.00       | 96,250.00      | 60,600.00    | 35,250.00     |
| 4      | Bebiri                  | 1,000.00     | 32,250.00      | 23,500.00    | 8,250.00      |
| 5      | Ayam Pedaging Komersial | 405.00       | 439,190,100.00 | 32,805.00    | 32,408,100.00 |
| 6      | Ayam Telur Komersial    | 551.88       | 1,379,700.00   | 50,761.92    | 1,011,780.00  |
| 7      | Ayam Kampung            | 126.00       | 1,274,274.00   | 2,268.00     | 1,285,938.00  |
| 8      | Itik Pedaging           | 240.00       | 545,550.00     | 7,200.00     | 545,340.00    |
| 9      | Itik Telur              | 827.82       | 1,870,873.20   | 76,142.88    | 1,523,188.80  |
| 10     | Itik Tempatan           | 300.00       | 617,430.00     | 9,000.00     | 467,220.00    |
| 11     | Khinzir Komersial       | 3,520,000.00 | 3,168,000.00   | 3,696,000.00 | 1,460,800.00  |
| 12     | Khinzir Tempatan        | 9,000.00     | 17,493,750.00  | 6,750,000.00 | 11,886,750.00 |
| 13     | Rusa                    | 1,625.00     | 5,625.00       | 5,375.00     | 6125.00       |
| JUMLAH |                         | 3,536,446    | 465,827,162    | 10,856,753   | 50,830,442    |

# PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SIBU

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Terdapat 6 ladang ternakan lembu di Bahagian Sibü dan kesemuanya adalah untuk pengeluaran daging. Ladang ini terdiri daripada ladang integrasi kelapa sawit dan ada juga yang dternak secara intensif. 5/6 daripada ladang ternakan lembu adalah peserta Program Pawah Lembu (CPP).</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Terdapat 12 ladang kambing di Bahagian Sibü. Kambing yang dternak ialah kambing baka Boer dan kambing kacukan. Pasaran kambing di Bahagian Sibü adalah untuk memenuhi permintaan daging kambing tempatan, untuk ibadah korban dan juga aqiqah. Terdapat 3 orang penternak kambing dibantu di bawah Program Pawah Ruminan Kecil (SRPP).</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|   | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Terdapat 28 ladang ayam pedaging dan 4 ladang ayam penelur yang berlesen di Bahagian Sibü. Secara keseluruhan, ladang-ladang ini mengamalkan penternakan secara sistem ladang tertutup manakala hanya sekumpulan kecil sahaja yang masih menggunakan konsep sistem penternakan terbuka. Namun begitu, peralihan penternakan secara sistem penternakan terbuka kepada sistem penternakan tertutup masih dalam proses perlaksanaan oleh para penternak yang telibat.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ITIK</b></p> <p>Seramai 6 orang penternak itik di kawasan Sibü. Kesemua ladang itik ini mengamalkan penternakan secara semi-intensif. Para penternak menghasilkan daging itik dan juga telur itik untuk di pasarkan di pasaran tempatan sahaja menampung permintaan domestik di bahagian Sibü.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|  | <p style="text-align: center;"><b>BABI</b></p> <p>Terdapat 5 ladang komersial babi yang terdapat di Bahagian Sibü. Ladang-ladang ini masih menggunakan kaedah penternakan intensif tetapi bukan mengikut konsep Modern Pig Farm (MPF) seperti yang disarankan oleh pihak kerajaan. Walaupun begitu, kriteria yang telah ditetapkan oleh jabatan berkenaan pemilikan lesen ladang babi telah dipenuhi oleh penternak-penternak ini. Penternakan babi secara tradisional juga popular di Bahagian Sibü. Hal ini kerana ianya merupakan sumber protein yang digemari oleh penduduk tempatan terutamanya dalam penyediaan 'mee kampua babi'. Bagi kawasan yang jaraknya agak jauh dari pusat bandar, menternak babi secara tradisional adalah lebih menjimatkan berbanding pembelian daging tersebut di pasar.</p> |

**RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SIBU 2019-2021**

| KOMODITI       | TAHUN   |     |         |     |         |     |
|----------------|---------|-----|---------|-----|---------|-----|
|                | 2019    | FF  | 2020    | FF  | 2021    | FF  |
| Lembu          | 607     | 8   | 594     | 7   | 531     | 6   |
| Kambing        | 1,111   | 6   | 1,193   | 5   | 1,122   | 5   |
| Biri-Biri      | 152     | 2   | 54      | 2   | 46      | 2   |
| Babi Komersial | 16,678  | 5   | 14,093  | 5   | 12,902  | 5   |
| Babi Kampung   | 11,680  | 639 | 10,930  | 589 | 10,465  | 544 |
| Ayam Pedaging  | 945,000 | 28  | 935,000 | 28  | 868,600 | 28  |
| Ayam Penelur   | 880,000 | 4   | 873,000 | 4   | 773,000 | 4   |
| Itik Pedaging  | 500     | 2   | 400     | 2   | 1,200   | 2   |

**NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SIBU (2019-2021)**

| KOMODITI           | NILAI PRODUKSI (RM) |                    |                    |
|--------------------|---------------------|--------------------|--------------------|
|                    | 2019                | 2020               | 2021               |
| Lembu              | 327,780             | 320,000            | 286,740            |
| Kambing            | 166,650             | 178,950            | 168,300            |
| Biri-Biri          | 38,000              | 13,500             | 11,500             |
| Babi Komersial     | 34,848,000          | 33,105,600         | 31,169,600         |
| Babi Kampung       | 8,760,000           | 8,197,500          | 7,848,750          |
| Ayam Pedaging      | 76,545,000          | 75,735,000         | 70,356,600         |
| Ayam Penelur       | 80,942,400          | 80,298,540         | 71,100,540         |
| Itik Pedaging      | 15,000              | 12,000             | 36,000             |
| <b>JUMLAH (RM)</b> | <b>201,642,830</b>  | <b>197,861,090</b> | <b>180,691,290</b> |

# PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN KAPIT

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>PUYUH</b></p> <p>Terdapat beberapa ternakan burung puyuh di Bahagian Kapit. Permintaan terhadap telur puyuh dan daging puyuh yang tinggi saban hari kian mendapat sambutan.</p>                                                                                                                                                                                      |
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Populasi lembu dalam Bahagian Limbang adalah sebanyak 512 ekor dan tujuan utama penternakan lembu adalah untuk mendapatkan sumber daging.</p>                                                                                                                                                                                                       |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Penternakan kambing di bahagian Kapit pada masa kini agak memuaskan. Terdapat juga penternak yang mula berminat menternak kambing. Ianya disebabkan oleh adanya permintaan kambing hidup untuk tujuan Aqiqah dan sebagainya .</p>                                                                                                                 |
|    | <p style="text-align: center;"><b>BEBIRI</b></p> <p>Aktiviti penternakan bebiri masih lagi kurang meluas dalam Bahagian Limbang dengan populasi bebiri hanya 43 ekor.</p>                                                                                                                                                                                                                              |
|  | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Penternakan ayam antara yang tertinggi di Bahagian Kapit dimana penduduk rumah panjang kebiasaannya menternak ayam sebagai sumber protein. Ayam kampung menjadi pilihan kerana lebih tahan lasak</p>                                                                                                                                                 |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ITIK</b></p> <p>Penternakan itik juga tidak asing kepada warga tempatan Kapit, dimana orang-orang rumah panjang memelihara secara itik kecil-kecilan untuk kegunaan isi rumah.</p>                                                                                                                                                                                   |
|  | <p style="text-align: center;"><b>BABI</b></p> <p>Di Kapit hanya terdapat 2 buah ladang babi komersial dengan populasi 60-100 ekor setakat Disember 2021. Kesemua babi ini dibekalkan dari Kuching untuk pasaran tempatan. Rumah-rumah panjang di setiap daerah dalam bahagian Kapit kebanyakannya memelihara babi tempatan secara kecil-kecilan untuk menampung keperluan dan kegunaan isi rumah.</p> |
|  | <p style="text-align: center;"><b>RUSA</b></p> <p>Ternakan rusa di Kapit hanya untuk tujuan rekreasi dan jualan kecil-kecilan. Hanya satu ladang ternakan sahaja yang dikenalpasti.</p>                                                                                                                                                                                                                |

**RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN KAPIT 2018-2021**

| JENIS TERNAKAN | TAHUN  |    |        |    |        |    |        |    |
|----------------|--------|----|--------|----|--------|----|--------|----|
|                | 2018   | FF | 2019   | FF | 2020   | FF | 2021   | FF |
| Kambing        | 115    | 3  | 128    | 4  | 238    | 4  | 194    | 5  |
| Khinzir        | 4674   | 32 | 3570   | 30 | 2759   | 27 | 1972   | 24 |
| Ayam           | 72,260 | 24 | 43,699 | 24 | 36,622 | 24 | 18,382 | 24 |
| Itik           | 7,909  |    | 5167   |    | 4155   | 24 | 2976   | 24 |
| Puyuh          | 362    | 1  | 321    | 1  | 450    | 1  | 320    | 1  |
| Rusa           | 30     | 1  | 30     |    | 33     | 1  | 38     | 1  |
| Lembu          | -      | -  | -      | -  | 3      | 1  | -      | -  |

**NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN KAPIT (2021)**

| BIL.   | KOMODITI | FF | TURNOVER | NILAI PRODUKSI (RM) |
|--------|----------|----|----------|---------------------|
| 1      | Kambing  | 5  | 29       | 29,100              |
| 2      | Khinzir  | 24 | -        | 1,479,000           |
| 3      | Ayam     | 24 | 20       | 1,488,942           |
| 4      | Itik     | 24 | 20       | 267,840             |
| 5      | Puyuh    | 1  | 1        | 29,433.6            |
| 6      | Rusa     | 1  | 1        | 4,750               |
| JUMLAH |          |    |          | 3,299,065.6         |

# PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN MUKAH

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>ARNAB</b></p> <p>Tidak ramai penternak yang berkecimpung dalam penternakan arnab di Bahagian Mukah. Namun permintaan terhadap daging arnab segar mendapat sambutan yang menggalakkan selain daripada permintaan terhadap arnab hidup untuk tujuan haiwan peliharaan disamping sebagai sumber pendapatan sampingan.</p>                            |
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Kebanyakan lembu yang dipelihara di Bahagian Mukah adalah dari baka jenis Brahman dan Kedah Kelantan sebagai sumber daging. Terdapat 3 buah ladang kelapa sawit yang terlibat dalam Program Lembu Pawah (CPP) di Bahagian Mukah menjalankan penternakan secara integrasi kelapa sawit.</p>                                       |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Kambing katjang (kambing kampung) juga ditenak untuk tujuan saradiri bagi mendapatkan sumber daging segar di sebahagian kawasan di dalam Bahagian Mukah.</p>                                                                                                                                                                   |
|   | <p style="text-align: center;"><b>BEBIRI</b></p> <p>Kebanyakan bebiri yang dipelihara di Bahagian Mukah adalah dari baka Dorper untuk mendapatkan sumber daging dan baka ini lebih produktif dalam penghasilan biak baka dan mempunyai daya tahan badan yang tinggi dari penyakit.</p>                                                                                              |
|  | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Belum terdapat ladang ayam komersial di Bahagian Mukah buat masa ini. Kebanyakan ayam dipelihara secara kecil-kecilan oleh orang kampung sebagai sumber makanan sendiri dan dijual untuk menambah pendapatan sampingan.</p>                                                                                                       |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ITIK</b></p> <p>Itik biasanya dipelihara secara kecil-kecilan oleh orang kampung sebagai sumber makanan dan sesetengahnya akan dijual untuk menambah pendapatan seisi keluarga</p>                                                                                                                                                                |
|  | <p style="text-align: center;"><b>BABI</b></p> <p>Terdapat 1 buah ladang babi yang bertaraf komersial di Bahagian Mukah namun masih lagi menunggu kelulusan untuk mendapatkan lesen komersial. Yang selebihnya dipelihara untuk tujuan sara diri oleh penduduk di rumah panjang.</p>                                                                                                |
|  | <p style="text-align: center;"><b>PUYUH</b></p> <p>Penternakan burung puyuh masih lagi baru di Bahagian Mukah dan beberapa orang penternak sahaja yang melibatkan diri dalam penternakan burung puyuh sebagai jualan daging segar dan telur dan juga menjual burung puyuh hidup kepada penternak yang berhasrat untuk berjinak-jinak dalam sektor penternakan burung puyuh ini.</p> |

**RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN MUKAH 2021**

| JENIS TERNAKAN    | DAERAH   |          |          |          |               | JUMLAH KESELURUHAN |
|-------------------|----------|----------|----------|----------|---------------|--------------------|
|                   | MUKAH    | DALAT    | MATU     | DARO     | TANJUNG MANIS |                    |
|                   | POPULASI | POPULASI | POPULASI | POPULASI | POPULASI      |                    |
| Lembu             | 31       | 172      | 133      | 620      | 323           | 1279               |
| Kambing           | 94       | 164      | 29       | 400      | 203           | 890                |
| Bebiri            | 173      | -        | 52       | -        | -             | 225                |
| Khinzir Komersial | -        | -        | -        | -        | -             | -                  |
| Khinzir Tempatan  | 2903     | 1414     | 178      | 77       | 376           | 4948               |
| Ayam Kampung      | 3736     | 929      | 939      | 909      | 902           | 7415               |
| Itik              | 893      | 599      | 439      | 844      | 727           | 3502               |
| Puyuh             | 1035     | 200      | -        | 350      | -             | 1585               |
| Arnab             | 79       | 29       | -        | -        | -             | 108                |

**NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN MUKAH (2021)**

| TERNAKAN                     | NILAI PRODUKSI (RM) |
|------------------------------|---------------------|
| Lembu                        | 6480                |
| Bebiri                       | 1330                |
| Kambing                      | 600                 |
| Ayam                         | 337,392             |
| Itik                         | 99,000              |
| Puyuh                        | 180, 000            |
| Babi (Ladang Ting King Soon) | 211, 200            |
| Babi Kampung                 | 900,000             |
| JUMLAH                       | 1,736,002           |

# PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN BINTULU

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>KERBAU</b></p> <p>Terdapat 3 ladang kerbau di Bintulu dan 2 daripadanya adalah integrasi dengan ladang kelapa sawit. Tujuan utama penternakan kerbau ini adalah untuk mengangkut gerabak kelapa sawit dimana ianya dapat mengurangkan tenaga pekerja dan kos mengangkut hasil tuaian.</p>                                                                                                          |
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Kesemua ternakan adalah untuk tujuan pedaging dan kebanyakannya adalah baka <i>Brahman</i>. Terdapat 4 ladang lembu di Bintulu telah dibantu di bawah Program Pawah Lembu (CPP).</p>                                                                                                                                                                                              |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Penternakan kambing di bahagian Bintulu pada masa kini semakin mendapat sambutan. Ianya disebabkan oleh permintaan kambing hidup dan daging kambing yang tinggi terutama pada musim perayaan dan korban. Terdapat 1 ladang kambing telah mendapat bantuan Program Pawah Ruminan Kecil (SRPP) telah selesai membayar balik dengan Jabatan.</p>                                   |
|    | <p style="text-align: center;"><b>BEBIRI</b></p> <p>Kebanyakan bebiri yang dipelihara di Bintulu adalah baka Dorper dimana ianya adalah baka pedaging. Baka ini mempunyai daya tahan penyakit yang agak tinggi dan mempunyai rekod pembiakan yang baik menyebabkan baka ini menjadi pilihan para penternak. Seiring dengan ternakan kambing, permintaan daging bebiri juga sentiasa tinggi.</p>                                      |
|   | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Ladang ayam yang berlesen dengan terdapat di daerah Bintulu (4), Sebauh (2) dan Tatau (1). Setakat ini, hanya 1 sahaja yang mengamalkan penternakan secara reban tertutup. Namun begitu, beberapa ladang lain masih dalam usaha untuk beralih ke sistem reban tertutup diatas isu alam sekitar sekaligus dapat meningkatkan produktiviti ladang mereka.</p>                        |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ITIK</b></p> <p>Penternakan itik juga tidak asing kepada warga tempatan Bintulu, dimana orang-orang kampung memelihara secara kecil-kecilan. Kebanyakan penternak memilih baka Muscovy (Serati) untuk pedaging dan Khaki Campbell untuk itik penelur.</p>                                                                                                                                          |
|  | <p style="text-align: center;"><b>BABI</b></p> <p>Di Bintulu hanya terdapat 1 ladang babi komersial yang berlesen dengan dengan populasi babi 15,440 ekor. Namun begitu, ladang ini hanya mampu menampung 50% daripada permintaan tempatan dan selebihnya adalah bekalan dari luar Bintulu. Rumah-rumah panjang di setiap daerah kebanyakannya memelihara babi tempatan secara kecil-kecilan untuk menampung kegunaan isi rumah.</p> |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ARNAB</b></p> <p>Daging arnab semakin mendapat tempat di pasaran Bintulu. Ladang sedia ada membekalkan daging arnab segar selain dari arnab hidup untuk tujuan haiwan peliharaan.</p>                                                                                                                                                                                                              |
|  | <p style="text-align: center;"><b>RUSA</b></p> <p>Ternakan rusa di Bintulu hanya untuk tujuan rekreasi dan penyelidikan – Taman Tumbina dan Taman Pertanian Universiti (TPU), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu.</p>                                                                                                                                                                                                          |

**RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN BINTULU 2018 - 2021**

| JENIS TERNAKAN | TAHUN   |         |         |         |
|----------------|---------|---------|---------|---------|
|                | 2018    | 2019    | 2020    | 2021    |
| Lembu          | 464     | 467     | 377     | 428     |
| Kerbau         | 148     | 148     | 76      | 86      |
| Kambing        | 959     | 685     | 664     | 710     |
| Bebiri         | 134     | 125     | 152     | 162     |
| Babi Komersial | 9725    | 10,575  | 10,550  | 15,440  |
| Babi Tempatan  | 15,039  | 11,539  | 4,528   | 5,873   |
| Ayam Komersial | 536,300 | 335,300 | 972,000 | 972,000 |
| Itik           | 8,609   | 4,306   | 3,810   | 3,711   |
| Arnab          | 760     | 807     | 1,525   | 1,545   |
| Rusa           | 64      | 69      | 70      | 70      |

**NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN BINTULU (2017-2021)**

| BIL.   | KOMODITI                | POPULASI (EKOR) | TURNOVER | NILAI PRODUKSI (RM) |
|--------|-------------------------|-----------------|----------|---------------------|
| 1      | Lembu                   | 381             | 34       | 204,000             |
| 2      | Kerbau                  | 33              | 3        | 18,000              |
| 3      | Kambing                 | 777             | 117      | 163,800             |
| 4      | Bebiri                  | 168             | 42       | 73,500              |
| 5      | Ayam Komersial Kacukan  | 6,000           | 3,000    | 60,000              |
| 6      | Ayam Komersial Pedaging | 911,000         | 601,000  | 10,818,000          |
| 7      | Babi Komersial          | 16,210          | 31,548   | 26,500,320          |
| 8      | Babi Tempatan           | 2,048           | 4,100    | 2,460,000           |
| 9      | Arnab                   | 1,595           | 310      | 372,000             |
| JUMLAH |                         |                 |          | 40,669,620          |

## PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN MIRI

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>KERBAU</b></p> <p>Kerbau – hanya kerbau sawah sahaja ditenak di Bahagian Miri dan majoritinya terletak di tanah tinggi Bario dan pesisiran pantai di Kampung Kayu Kapor, Sibuti, Bekenu.</p>                                                                                                                                                                                                           |
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Lembu – lembu pedaging terdapat 2 sahaja baka yang ditenak di Bahagian Miri iaitu lembu Brahman dan lembu Bali. Terdapat 1 ladang komersial milik PPES Ternak Sdn Bhd dan terdapat 10 penternak memelihara lembu Brahman secara integrasi dengan ladang kelapa sawit di bawah Program Pawah Lembu (CPP). Tiada tanda wabak penyakit dilaporkan di kalangan lembu pada tahun 2021.</p> |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Kambing – baka yang ditenak adalah kambing pedaging seperti Boer dan kambing tenusu seperti Saanen. Kebanyakan kambing ditenak secara kecil-kecilan di kawasan Bakam, Lambir, Sibuti dan Bakong. Terdapat 2 sahaja ladang kambing tenusu iaitu Kenaan Dairy Farm di Lusut dan Palaipipi Farm di Kampung Siwak.</p>                                                                  |
|   | <p style="text-align: center;"><b>BEBIRI</b></p> <p>Bebiri – baka bebiri yang ditenak di Bahagian Miri adalah kacukan Dorset Malin dan Barbados Black Belly.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|  | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Ayam Pedaging – terdapat 27 ladang poltri komersial di Bahagian Miri. Ayam Penelur – terdapat 5 ladang ayam penelur komersial di mana 1 di Marudi dan selebihnya di Daerah Miri.</p>                                                                                                                                                                                                   |
|  | <p style="text-align: center;"><b>ITIK</b></p> <p>Itik Pedaging – tiada ladang itik berskala komersial di Bahagian Miri. Itik Penelur – terdapat 5 ladang itik penelur di Bahagian Miri.</p>                                                                                                                                                                                                                                             |
|  | <p style="text-align: center;"><b>BABI</b></p> <p>terdapat 11 ladang khinzir komersial berlesen di Bahagian Miri dan kesemuanya terletak Daerah Miri.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|  | <p style="text-align: center;"><b>RUSA</b></p> <p>Rusa – baka rusa yang ada adalah baka <i>Timorensis</i> dan ditenak di PPES Ternak Sdn Bhd</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                         |

## RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN MIRI 2017-2021

| BIL. | JENIS TERNAKAN | POPULASI [EKOR] |         |         |         |           |
|------|----------------|-----------------|---------|---------|---------|-----------|
|      |                | 2017            | 2018    | 2019    | 2020    | 2021      |
| 1    | Lembu          | 1934            | 2142    | 2154    | 2218    | 3064      |
| 2    | Kerbau         | 282             | 555     | 556     | 658     | 579       |
| 3    | Kambing        | 1518            | 1502    | 1580    | 2479    | 1672      |
| 4    | Bebiri         | 525             | 669     | 669     | 781     | 781       |
| 5    | Ayam Pedaging  | 665,800         | 667,600 | 665,300 | 700,000 | 3,775,250 |
| 6    | Ayam Penelur   | 251,500         | 250,000 | 252,000 | 120,350 | 130,250   |
| 7    | Itik Penelur   | 2,750           | 16,890  | 18,345  | 16,300  | 11,215    |
| 8    | Babi Komersial | 47,626          | 48,868  | 48,868  | 39,488  | 46,359    |

## NILAI PRODUKSI DAN PENGELUARAN SETIAP KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN MIRI 2017-2021

| JENIS TERNAKAN | NILAI PRODUKSI     |                    |                    |                    |                    |
|----------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
|                | 2017               | 2018               | 2019               | 2020               | 2021               |
| Lembu          | 1,044,360          | 1,156,680          | 1,163,160          | 1,197,720          | 1,654,560          |
| Kerbau         | 152,280            | 299,700            | 300,240            | 355,320            | 312,660            |
| Kambing        | 136,620            | 135,180            | 142,200            | 223,110            | 150,480            |
| Bebiri         | 78,750             | 100,350            | 100,350            | 117,150            | 117,150            |
| Ayam Pedaging  | 53,929,800         | 54,075,600         | 53,889,300         | 56,700,000         | 67,954,500         |
| Ayam Penelur   | 23,132,970         | 22,995,000         | 23,178,960         | 11,069,793         | 11,980,395         |
| Itik Penelur   | 445,665            | 2,737,193          | 2,972,991          | 2,641,578          | 1,817,503          |
| Babi Komersial | 58,409,120         | 58,525,280         | 57,518,560         | 47,683,680         | 54,208,000         |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>137,329,565</b> | <b>140,024,983</b> | <b>139,265,761</b> | <b>119,988,351</b> | <b>138,195,248</b> |

# PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN LIMBANG

|                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | <p style="text-align: center;"><b>KERBAU</b></p> <p>Bahagian Limbang mempunyai populasi kerbau yang tertinggi di Sarawak iaitu sebanyak 6,351 ekor pada tahun 2021. Aktiviti penternakan kerbau di Limbang lebih fokus kepada penghasilan daging dan aktiviti pembiak bakaan. Terdapat kira-kira 20 orang penternak yang berkecimpung di bawah Program Usahawan Kerbau (BEP) di Bahagian Limbang.</p> |
|    | <p style="text-align: center;"><b>LEMBU</b></p> <p>Populasi lembu dalam Bahagian Limbang adalah sebanyak 512 ekor dan tujuan utama penternakan lembu adalah untuk mendapatkan sumber daging.</p>                                                                                                                                                                                                      |
|    | <p style="text-align: center;"><b>KAMBING</b></p> <p>Populasi kambing di Limbang adalah 1,049 ekor dan aktiviti penternakan kambing dijalankan untuk tujuan penjualan daging kambing terutamanya pada musim perayaan atau acara-acara keagamaan seperti akikah.</p>                                                                                                                                   |
|   | <p style="text-align: center;"><b>BEBIRI</b></p> <p>Aktiviti penternakan bebiri masih lagi kurang meluas dalam Bahagian Limbang dengan populasi bebiri hanya 43 ekor.</p>                                                                                                                                                                                                                             |
|  | <p style="text-align: center;"><b>AYAM</b></p> <p>Terdapat 1 ladang ayam komersial dalam Bahagian Limbang dan ladang ayam yang lain adalah secara berskala kecil yang terlibat dengan pengeluaran telur ayam dan daging ayam kepada penduduk setempat khususnya.</p>                                                                                                                                  |
